



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 61

27hb September 2018

No. 20

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 67.**

(Seksyen 261)

### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Riqfuzaire bin Rohaizat yang beralamat di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Pejabat FAMA Negeri Perlis, KM 2, Jalan Baru Kangar-Alor Star, Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis atau di 33, Lorong 1B, Taman Johan Setia, 42450 Klang, Selangor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Isnin, 8 Oktober 2018 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Adam. No. Lot—788. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 602. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 128/2014 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 Julai 2018  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2333(3)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 68.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperlakukan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 25 Oktober 2018 pada 10.30 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM102,204.45. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

27hb Sept. 2018]

311

- 
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 Februari 2019 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Besi. No. Lot—2962. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1196. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 694/2000 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 2 Ogos 2018  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2303(22A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

### No. 69.

#### AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Pembetulan

Jadual kepada Pembetulan Warta No. 15 Jilid 60 yang disiar pada 20 Julai 2017 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan:

#### JADUAL

Mukim—Arau.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang	
			P.M.	Hektar
5246	1096	Hasan bin Idris—Pemegang Amanah 1/3 bhg., Md Radzi bin Mangsor 1/3 bhg. dan Ahmad Tarmizi bin Hasin 1/3 bhg.		1.269      0.411

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

312

[27hb Sept. 2018]

Pindaan tersebut hendaklah dianggap telah mula berkuat kuasa pada 20 Julai 2017.

Dengan perkataan-perkataan yang berikut:

Mukim—Kurong Anai.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang
				Luas yang hendak Diambil
5264	1096	Ahmad Tarmizi bin Hasin (Kaveat persendirian atas syer) 1/3 bhg., Md Radzi bin Mangstor 1/3 bhg., Che Amah binti Hassan 1/6 bhg. dan Norizah binti Hasan 1/6 bhg.	1.269	0.0411

Pindaan tersebut hendaklah dianggap telah mula berkuat kuasa pada 20 Julai 2017.

Bertarikh 9 Mei 2017  
[JKPTG.Ps.(R)(UPT) 916(12)]

MAWAR BINTI AWANG  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA